

# Darah Tali Pusat

## Fungsi

Bertanggungjawab untuk mengumpul dan memproses darah tali pusat yang didermakan untuk pesakit-pesakit yang memerlukan sel stem. Semua pendermaan adalah secara sukarela dan penderma tidak dikenakan apa-apa bayaran.

Aktiviti Mangambil darah tali pusat dari uri secara &ldquo;ex-utero&rdquo; iaitu pengambilan darah dilakukan selepas uri dikeluarkan dari rahim ibu. Semua darah tali pusat ini diambil dari Hospital Bersalin, Hospital Kuala Lumpur. Menjalankan soal selidik terhadap penderma untuk memastikan darah yang didermakan adalah selamat untuk digunakan. Menjalankan kerja-kerja memproses dan menyimpan darah tali pusat yang berjaya dikutip. Setiap unit darah tali pusat ini akan diproses oleh seorang kakitangan sahaja bermula daripenerimaan darah tali pusat hinggalah ke penyimpanan. Memberi penerangan kepada penderma yang ingin menderma darah tali pusat supaya memahami semua syarat-syarat yang terdapat dalam Borang Kebenaran Penderma dan Pengujian Cord Blood sebelum menandatangani borang tersebut. Memastikan hanya penderma yang sesuai sahaja akan diterima menderma darah tali pusat dan dikehendaki melengkapkan Borang Soal-Selidik Status Risiko Kesihatan penderma. Memastikan hanya darah tali pusat yang berjaya diproses dan disimpan sahaja akan menjalani ujian &ldquo;HLA Typing&rdquo;. Memberi khidmat kaunseling dan merujuk penderma kepada pihak hospital untuk tujuan rawatan lanjut bagi dermaan yang didapati tercemar oleh jangkitan virus atau bacteria. Menjalankan kajian dan penyelidikan yang melibatkan darah tali pusat. Memastikan segala maklumat peribadi penderma (ibu) dan anak adalah SULIT. Memastikan semua sample darah tali pusat akan dihantar ke makmal bagi menjalani ujian saringan seperti berikut;

- Hepatitis &ldquo;B&rdquo; Surface antigen ( HBsAG)
- Anti &ndash; HIV                      - Syphilis (VDRL/RPR)
- ABO Grouping & Rh Typing
- HLA typing
- Anti &ndash; CMV (IgG dan Igm)
- Hb-Analysis
- Sterility Testing (Bacterial Contamination)